

Nelayan warga Thailand ditahan

Sinar Harian 9/8/2019 m/s 34

APMM kesan mereka menangkap ikan di zon larangan

SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI dan KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

GEORGETOWN

Agensy Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang kelmarin menahan empat nelayan warga Thailand kerana menangkap ikan di zon larangan kira-kira 11.3 batu nautika dari Barat Muka Head.

Pengarahnya, Kepten Maritim Hamizan Harun berkata, tekong bot berusia 54 tahun ditahan bersama tiga awak-awak berusia 25, 28 dan 61 tahun pada jam 1.30 petang.

Menurutnya, kesemua warga

asing itu dipercayai melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menangkap ikan kurang 15 batu nautika dari pantai terdekat.

"Kita turut merampas bot nelayan tempatan Kelas C bersama ikan campur dan ikan baja masing-masing dengan anggaran berat 500 kilogram (kg). Tahanan bersama barang rampasan dibawa ke Jeti Limbungan Batu Maung untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau juga mahu orang ramai menyalurkan maklumat berkaitan pencerobohan kawasan zon menangkap ikan menggunakan bot pukut tunda yang menjadi rungutan nelayan pantai.

"Mereka boleh menghubungi talian kecemasan 24 jam iaitu MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Pulau Pinang di



Nelayan Thailand ditahan untuk siasatan kerana melanggar syarat sah lesen.

talian 042626146," katanya.

Sementara itu di LUMUT tiga bot termasuk dua bot nelayan asing dari Indonesia ditahan ketika rondaan APMM Perak sempena Ops Sayong kira-kira 50 batu nautika dari barat daya

Pulau Pangkor.

Timbalan Pengarah Operasinya, Komander Maritim Shahrizan Raman berkata, bot yang dinamakan sebagai KM RIZKI dan KM JURINA dari Bedagai, Medan dikatakan keluar me-

angkap ikan pada 5 Ogos lalu masing-masing bersama empat dan lima awak-awak berumur dalam lingkungan 18 hingga 48 tahun.

"Kedua-dua bot itu kemudiannya diiring ke Pusat Tahanan Vesel Kampung Aceh untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang akhbar semalam.

Dalam kes berasingan, Shahrizan mendedahkan bot peronda Penggalang 13 turut berjaya menahan sebuah bot nelayan tempatan Kelas B pada jam 10 malam kerana menangkap ikan di kawasan larangan di bawah Akta Perikanan 1985.

"Bot terbabit serta dua awak-awak termasuk tekong berusia 14 dan 49 tahun turut diiring masuk ke Pusat Tahanan Vesel Kampung Aceh untuk siasatan lanjut," katanya.

Shahrizan berkata, kesemua kes akan di siasat di bawah Akta Perikanan 1985.